

# Hentikan anugerah kontrak secara runding terus: PM

Anwar tegaskan amalan hanya buka ruang kepada ketirisan, kronisme dan salah guna kuasa

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, budaya penganugerahan kontrak secara runding terus tidak boleh diteruskan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, amalan yang hanya membuka ruang kepada ketirisan, kronisme dan salah guna kuasa itu, juga tidak boleh ditolak ansur.

Justeru, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, seluruh jentera dan sendi kekuasaan kerajaan mesti patuh tunduk pada hukum dan undang-undang, bukan sebaliknya.

“Bagi menjawab cabaran ini, kerajaan sudahpun menggerakkan beberapa kerangka penting.

“Kerangka Ekonomi MADANI serta Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) digarap bukan sahaja dalam memperkukuh ekonomi, tetapi bagi meleraikan segala kebejatan (kerosakan) yang membelit negara sejak sekian lama.

“Usaha memecahkan hegemoni (pengaruh atau dominasi) dan monopoli kartel, daripada telur, ayam, sayur-sayuran hinggalah ubat-ubatan sedang digerak dan dilaksanakan, meskipun jalannya penuh onak dan duri,” katanya.



Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata demikian ketika membentangkan bacaan kali kedua Rang Undang-undang (RUU) Perolehan Kerajaan 2025 di Dewan Rakyat petang semalam.

Anwar berkata, menerusi pembentangan RUU itu, kerajaan sekali lagi menegakkan kuasa pentadbiran dengan tujuan untuk memperkukuhkan tatakelola.

Katanya, biarpun ada pihak mendakwa RUU itu memberi kuasa dan budi bicara berlebihan kepada Menteri Kewangan, namun kuasa individu dilantik ke jawatan itu bagi perolehan kerajaan sudahpun termaktub dalam Akta tatacara Kewangan 1957.

“Melalui RUU ini, elemen semak dan imbang diperkukuh dengan keputusan perolehan termasuk keputusan Menteri Kewangan boleh dicabar serta dikaji semula melalui proses Panel Kajian Semula, seterusnya Tribunal Rayuan Perolehan yang berkecuali,” katanya.

Beliau menegaskan, RUU Perolehan Kerajaan 2025 juga memperkenalkan tindakan punitif atas ketidakpatuhan perolehan dan Menteri Kewangan tidak terkecuali atas kesalahan diperuntukkan dalam RUU berkenaan.

“Contohnya, jika tidak menzahirkan kepentingan atau campur tangan dalam proses perolehan.

“Bagi terus memperkukuh pengurusan fiskal, kerajaan men-



Anwar pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

cadangkan penggubalan RUU Perolehan Kerajaan 2025 sebagai kesinambungan kepada Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (FRA) dan pelengkap kepada Akta Tatacara Kewangan 1957.

“Akta ini berhasrat menangani ketirisan dan mengoptimum sumber negara supaya terus berupaya memacu pembaharuan ekonomi dan kualiti hidup rakyat,” katanya.

## Bazirkan wang rakyat

Anwar berkata, pihaknya sering menegaskan perolehan rundingan terus yang dibuat secara tergesa-gesa tanpa penelitian hanya membazirkan wang rakyat dan memanfaatkan sekumpulan kecil elit mahakaya.

Ini kerana, katanya, projek berskala besar seperti tebatan banjir, sekolah, jalan raya dan kesihatan menelan belanja begitu besar.

“Sejak tahun pertama, saya sudah pun memberhentikan amalan rundingan terus dan beralih kepada sistem perolehan tender bagi projek pembangunan biasa.

“Sebelum ini tidak mustahil untuk projek seperti jalan raya, sekolah dan hospital dianugerahkan secara rundingan terus.

“Seyogianya (sepatutnya), sebilangan kelulusan lalu yang dibuat dengan tergopoh-gapah sudah dibatalkan dan ditender semula bagi memastikan projek cakna rakyat dan berimpak tinggi dilaksana dengan nilai faedah terbaik dan memberi penjimatan kepada kerajaan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, urusan perolehan kerajaan ketika ini dikawal selia, berpandukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan serta penerbitan Pekeliling Perbendaharaan.

“Peraturan semasa hanya bersifat pentadbiran. Sebarang pelanggaran dan ketidakaturan penjawat awam hanya diambil tindakan tatertib dan tidak terpakai kepada pesara.

“Maknanya, tiada pertanggungjawaban jelas, tiada tindakan punitif tegas sementara wang rakyat terus terbazir,” katanya.